



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : hasar@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu 21/2011 (22 hingga 28 Mei 2011)

Sepanjang minggu ke-21 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 22 hingga 28 Mei, sejumlah 388 kes Demam Denggi dengan satu (1) kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 4 kes berbanding dengan 384 kes dengan tiada kematian pada minggu sebelumnya. Terdapat 5 buah negeri yang menunjukkan peningkatan berbanding minggu lepas iaitu P.Pinang yang meningkat sebanyak 12 kes (41%), Melaka 8 kes (200%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 8 kes (18%), Sabah 1 kes (33%) dan Pahang meningkat sebanyak 1 kes (8%) (Lampiran A). WP Kuala Lumpur/Putrajaya telah menunjukkan peningkatan kes sejak 4 minggu berturut-turut manakala Pahang menunjukkan peningkatan kes sejak 2 minggu lepas.

Bermula dari Januari hingga 28 Mei 2011 sebanyak 8,496 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 57% atau 11,108 kes berbanding dengan 19,604 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Sebanyak 13 kematian akibat Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 79% berbanding 61 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat satu kematian Demam Denggi dilaporkan di WP Kuala Lumpur yang melibatkan seorang wanita berusia 32 tahun yang bekerja sebagai kerani insurans di Kuala Lumpur. Pesakit yang juga mengalami obesiti meninggal dunia dengan sebab komplikasi jangkitan Denggi iaitu *Dengue Shock Syndrome*. Kawasan kediaman pesakit adalah kawasan wabak yang masih kotor dan mencatat kadar pembiakan Aedes yang tinggi (2.4%) dan telah melaporkan sebanyak 5 kes bagi tempoh 9 Mei sehingga kini.

Sehingga minggu ke-21, sejumlah 101 lokaliti wabak dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 4 lokaliti berbanding dengan 97 lokaliti pada minggu sebelumnya. Pada minggu lepas, terdapat 6 lokaliti *hot spots* dilaporkan, iaitu masing-masing 3 lokaliti di WP Kuala Lumpur dan di Selangor dengan jumlah kes Denggi yang dilaporkan sebanyak 71 kes (Lampiran B). Empat lokaliti *hot spots* iaitu di Taman Paling Jaya Semenyih, di daerah Hulu Langat, Kg Kerdas 3 di daerah Gombak, Apartment Sri Rakyat Bukit Jalil di zon Cheras dan Menara Orkid di Zon Kepong masih tiada aktiviti gotong-royong yang dilaksanakan walau pun wabak telah berlaku melebihi 30 hari.

Memandangkan peningkatan kes Denggi yang berterusan sejak 3 minggu lepas, masyarakat diharapkan tidak mengambil sikap sambil lewa dan membiarkan persekitaran mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Daripada analisa Kementerian Kesihatan bagi tempoh 5 tahun menunjukkan peningkatan kes Denggi sering berlaku di antara bulan Jun hingga September. Oleh itu, masyarakat diminta mengambil langkah proaktif dengan meningkatkan aktiviti membersihkan kawasan mereka seperti menjalankan gotong-royong.

Kesedaran masyarakat umum mengenai Denggi ditingkatkan oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan menggiatkan pelaksanaan program dan kempen media di seluruh negara, melalui program gotong-royong perdana di lokaliti *hot spots* di Selangor dan WP Kuala Lumpur, pelaksanaan projek COMBI oleh masyarakat dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di setiap negeri, kempen Denggi di saluran TV, radio serta akhbar-akhbar tempatan pelbagai bahasa.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 22 hingga 28 Mei 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 14 kes, penurunan sebanyak 98% berbanding dengan 558 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2010.

DATO' DR HASAN ABDUL RAHMAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

31 Mei 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 21/2011
(22 hingga 28 Mei 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 21/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 21/2010
		Minggu 21 (22 – 28 Mei 2011)	Minggu 20 (15 – 21 Mei 2011)		
1	Perlis	0	0	27	61
2	Kedah	4	13	199	308 (2)
3	P. Pinang	41	29	787 (1)	465 (2)
4	Perak	20	22	541 (1)	730 (2)
5	Selangor	178	179	3,165 (3)	9,064 (29)
6	WPKL & Putrajaya	52 (1)	44	715 (1)	2,231 (4)
7	N. Sembilan	13	15	320	917 (4)
8	Melaka	12	4	193	233 (4)
9	Johor	22	24	807 (4)	1,295 (4)
10	Pahang	14	13	428 (1)	500 (1)
11	Terengganu	5	11	346 (1)	395
12	Kelantan	8	11	290 (1)	540 (2)
13	Sarawak	15	16	454	2,037 (6)
14	Sabah	4	3	219	820 (1)
15	WP Labuan	0	0	5	8
	MALAYSIA	388 (1)	384	8,496 (13)	19,604 (61)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU
21 BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Kerdas 3 Gombak	13	46
2	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Paling Jaya Semenyih	5	44
3	SELANGOR	MBSA (PT)	Seksyen U2 (Blok 24&26 Apartment Ilham)	10	32
4	WPKL	Cheras	Bukit Jalil (Apartment Sri Rakyat)	22	46
5	WPKL	Kepong	Menara Orkid	16	44
6	WPKL	Setapak	Seksyen 10 Wangsa Maju (Blok B)	5	34

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUYAI KADAR
PEMBAIKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 21
BAGI TAHUN 2011
(22 hingga 28 Mei 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MBSA (PT)	Seksyen U2 (Blok 24&26 Apartment Ilham)	5.9	6